

TPM puas hati persediaan banjir

**Siap sedia
sekiranya
berlaku banjir
besar di Pahang**

NIK AMIRUL MU'MIN
BIN NIK MIN

KUANTAN

Timbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berpuas hati dengan tahap kesiapsiagaan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri serta agensi terlibat dalam menghadapi kemungkinan banjir besar di negeri ini tahun ini.

Beliau berkata, secara keseluruhannya persiapan pada tahap yang amat memuaskan termasuk dalam

aspek agihan barangan keperluan ke pangkalan hadapan di daerah-daerah.

Menurutnya, terdapat 662 pusat pemindahan yang mampu menampung 156,350 mangsa banjir di negeri ini.

"Saya dimaklumkan 60 peratus bekalan barangan keperluan asas sudah mula diagihkan ke 118 pangkalan hadapan di negeri ini sejak April lalu.

"Secara keseluruhannya, kerajaan memperuntukkan RM1 juta untuk barangan keperluan asas dan RM2 juta bagi barangan kering untuk mangsa banjir sekiranya bencana itu berlaku," katanya pada sidang media selepas meninjau persediaan menghadapi Monsun Timur Laut di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Kompleks Penyayang JKM di Kuantan semalam.



Wan Azizah meninjau keperluan yang disediakan untuk mangsa banjir di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Kompleks Penyayang JKM di Kuantan semalam.

sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh yang juga Ahli Parlimen Kuantan.

Wan Azizah berkata, stok barang keperluan yang ada mencukupi untuk keperluan mangsa banjir bagi tempoh tiga hingga lima hari dan ia akan ditambah

secara berperingkat mengikut keperluan.

Beliau turut dimaklumkan bahawa seramai 7,174 pegawai dan anggota termasuk daripada Angkatan

Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM); APM) dan JKM sudah bersedia menjalankan tugas mereka.

"Pada masa sama, aset seperti bot pelbagai jenis sebanyak 171 buah dan 429 kenderaan pelbagai guna juga sudah bersedia untuk digunakan.

"Selain itu, sebanyak 245 lokasi pendaratan helikopter juga sudah dikenalpasti bagi memudahkan proses penghantaran bantuan ke lokasi yang tidak boleh diakses menggunakan laluan darat," katanya.

Pada lawatan itu, Dr Wan Azizah turun padang meninjau tapak projek tebatan banjir Sungai Belat di sini yang dibina bermula Januari tahun lalu dengan Kos RM118 juta dan dijangka siap Januari 2021.